

Prospek dedah pelajar maklumat kampus

Archival News | Utusan Malaysia | 27/03/2018

PROGRAM Seminar Pendidikan dan Keusahawanan Kebangsaan (Prospek) Universiti Malaya (UM) yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Sulaiman di Parit Sulong, Bau Pahat, Johor baru-baru ini berjaya menarik penyertaan memberangsangkan apabila dihadiri seramai 350 pelajar dari beberapa sekolah di Johor.

Selain pelajar dari SMK Dato Sulaiman, sekolah lain yang terlibat ialah Sekolah Menengah (SM) Sains Sembrong, SMK Senggarang dan SMK Penghulu Saat.

Pengarah Prospek 2018, Muhammad Zharfan Nafiq Mohd. Ghafarudin berkata, Prospek telah dianjurkan oleh Kolej Kediaman Keempat UM selama satu dekad bertujuan memberikan pendedahan awal kepada pelajar sekolah menengah terutama yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mengenai pelbagai maklumat institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Selain itu, projek ini bermatlamat memberi penerangan dan kefahaman mengenai biasiswa dan pinjaman pendidikan kepada para pelajar sekali gus menyuntik semangat mereka untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading, katanya.

Program Prospek di Johor ini yang telah dirasmikan oleh Exco Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor, Datuk Zulkarnain Kamisan. Lini yang kedua pada tahun ini selepas program pertama diadakan di T.J. Danaraj, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 25 Februari lalu.

Dalam program pertama itu, sebanyak 150 pelajar dari SMK Bukit Bandaraya dan SM Sains Selangor menyertainya bersama-sama pelajar dari pelbagai tempat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Setelah melengkapkan penjelajahan Prospek ke seluruh negara tahun lepas, pada tahun ini, tiga buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Johor dipilih sebagai lokasi penganjuran program yang melibatkan penyertaan 30 buah sekolah.

Selepas Kuala Lumpur dan Johor, destinasi seterusnya akan diadakan di SM Sains Rembau, Negeri Sembilan pada 30 Mac akan datang.

Tambah Muhammad Zharfan Nafiq, pembaharuan telah dilakukan terhadap program ini

dengan menambah modul keusahawanan dalam slot-slot yang bakal diadakan bersama pelajar sekolah menengah.

□Slot keusahawanan yang diadakan bermatlamat menjadi medium dalam memberi pemahaman yang lebih jitu dan cara yang komprehensif dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

□Slot itu juga diharap dapat membentuk pelajar yang mampu membina kewangan terancang untuk masa hadapan mereka selari dengan aspirasi negara iaitu melahirkan lebih ramai pencipta peluang daripada pencari peluang pada masa akan datang,□ ujarnya.

Slot lain dalam modul Prospek ialah Slot Inspire to Aspire, Slot Biasiswa dan Kemahiran Temu Duga, Slot Pembangunan Modal Insan, Slot Confidence in Speaking dan Slot Dari Mahasiswa kepada Pelajar. □ Husna Zahiah Zainuddin(Kolej Kediaman Keempat, Universiti Malaya)

Source By: Utusan Malaysia